

19 JUN 2017

Suspek dalang seludup senjata api, dadah tumpas

Isnin, 19 Jun 2017 -BH



Asri (dua dari kanan) menunjukkan senjata api yang digunakan penjenayah pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah (IPK) semalam.

Info

Barang kes yang dirampas

- Sebuah kereta Toyota Vios
- Sepucuk pistol semi-automatik jenis Norinco bersama kelopak,
- Lapan paket plastik lutsinar disyaki heroin seberat 40 gram bernilai kira-kira RM1,000 dan
- Dua nombor pendaftaran palsu.

Suspek dalang seludup senjata api, dadah tumpas

→ Lelaki mati ditembak ada rekod tiga jenayah lampau sedang tunggu urus niaga haram

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

► Alor Setar

Seorang lelaki disyaki dalang penyeludupan senjata api dan dadah, terbunuh selepas berbalas tembakan dengan polis di persimpangan Kampung Weng Dalam dekat Baling, awal pagi kelmarin.

Dalam kejadian jam 4.25 pagi itu, suspek berusia 41 tahun mati terkena dua das tembakan pada dada dan kepala.

Ketua Polis negeri, Datuk Asri Yusoff, berkata suspek melepas-

kan beberapa das tembakan ke arah sepasukan anggota polis yang menghampiri kenderaannya untuk melakukan pemeriksaan.

"Susulan tindakan suspek melepaskan tembakan, anggota polis terpaksa membalasnya untuk mempertahankan diri menyebabkan suspek mati di lokasi," katanya.

Lakukan urus niaga haram
Beliau berkata, pemeriksaan terhadap kereta Toyota Vios digunakan suspek, menemui sepucuk pistol semi-automatik jenis Norinco bersama kelopak, lapan paket plastik lutsinar di-

syaki heroin seberat 40 gram bernilai kira-kira RM1,000 dan dua nombor pendaftaran palsu.

"Suspek yang berasal dari Kampung Selarung, Pengkalan Hulu, Perak dikesan mempunyai tiga rekod jenayah lampau membabitkan kes ugutan dan pecah rumah.

"Risiko mendapati suspek terbahit dengan penyeludupan senjata api serta dadah di negara jiran dan ketika diserbui, dia dipercayai sedang menunggu untuk melakukan urus niaga haram itu," katanya ketika sidang media di sini, semalam.